

# Citra Budaya JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN  
& KESENIAN NEGARA  
جاتان كودايان دان كسنيان نکارا

ISSN 2180 - 009 X BIL 3 / 2015



## FESTIVAL OF ASEAN CULTURAL EXPRESSIONS 2015

Festival Kesenian  
Orang Asli dan Peribumi  
Antarabangsa 2015

JKKN MENERAJUI  
HARI SUKAN NEGARA  
WARGA MOTAC

Teater 'Uraong Ulu  
Hatinya Luke Lagih'

Oleh Kumpulan Kesenian Uraong Ulu (Keulu) Telah  
Memenangi Tempat Ketiga Dalam Festival Teater Malaysia 2006

## SEKILAS TINTA EDITOR



### Assalamualaikum dan Salam 1Malaysia.

Seni Budaya Malaysia semakin mengalami ketirisan. Membina masyarakat yang berbudaya dan berkeperibadian tinggi adalah menjadi tanggungjawab setiap rakyat Malaysia kerana setiap kita adalah pemimpin diperingkat masing-masing. Peristiwa-peristiwa negatif yang pernah berlaku akibat kebiadaban segelintir rakyat yang tidak bertanggungjawab, seharusnya dijadikan iktibar agar tidak berulang dan menjadi gejala yang memusnahkan bangsa Malaysia. Kebiadaban tersebut seharusnya dibendung supaya ia tidak menjadi gejala kepada masyarakat keseluruhannya. Hanya dengan disiplin, kesedaran dan keimanan yang jitu pada setiap insan sahaja yang akan dapat mengatasinya.

Sama-salah kita menjadikan iktibar dan pengajaran bahawa salah satu sebab kejatuhan kerajaan Melayu Melaka pada tahun 1511 ialah 'angkara sikitul yang menjual maklumat kepada portugis' ketika itu. Jika kita sama-sama berpegang teguh kepada rukun negara dan disiplin diri, InshaAllah seni budaya Malaysia akan terus relevan selaras dengan ungkapan 'Tidak akan Melayu hilang di dunia'.

Mohd Zin bin Mohd Sahid  
Editor

CITRA BUDAYA JKKN merupakan penerbitan yang berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat kepada masyarakat dalam usaha merealisasikan penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya. Ia diterbitkan tiga (3) kali setahun.

Sidang editorial CITRA BUDAYA JKKN sangat mengalu-alukan sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen dan sebagainya. Sila hantarkan sumbangan anda kepada:

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,  
Aras 30 Menara TH Perdana,  
No.1001 Jalan Sultan Ismail,  
50250 Kuala Lumpur.  
Email : [penerbitan@jkkn.gov.my](mailto:penerbitan@jkkn.gov.my)

## siddang redaksi

YBhg. Datuk Norliza Rofli  
Ketua Pengarah

YBrs. En. Mohamad Razy Mohd Nor  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Sektor Dasar dan Perancangan)

YBrs. Tn. Hj. Mesran Mohd Yusop  
Timbalan Ketua Pengarah  
(Sektor Kebudayaan dan Kesenian)

**Editor**  
Mohd Zin Mohd Sahid

**Penolong Editor**  
Zuriyah Mohamad

### SIDANG EDITORIAL

#### Penulis

- Mohd Zin Mohd Sahid
- Zuriyah Mohamad
- Muhammad Haqkam Hariri
- Ismarizal Zulamran
- Muhammad Faizal Ruslee
- Siti Anisah Abdul Rahman
- Fauziah Ahmad

**Pereka Grafik/Kreatif**  
Bafti Hera Abu Bakar

**Jurufoto**  
Zaman Sulieman

### SIDANG REDAKSI

- Unit Komunikasi Korporat
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Cawangan Pentadbiran
- Cawangan Sumber Manusia
- Cawangan Kewangan
- Bahagian Pengembangan Seni Budaya
- Bahagian Bimbingan Seni Budaya
- Bahagian Pembangunan Produksi dan Artistik (Acara)
- Bahagian Pengukuhan Seni dan Budaya
- Bahagian Dasar dan Penyelidikan
- Cawangan Perancangan dan Penyelarasaran Dasar
- Cawangan Penyelidikan dan Pembangunan
- Bahagian Pembangunan Produk Seni Budaya (Industri Kreatif)
- Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Negeri-Negeri

### PENYELARAS PENGEDARAN BULETIN

- Muhammad Haqkam Hariri
- Muhammad Faizal Ruslee
- Badrul Hisham Mujib
- Muhammad Ridhwan Azme

Terbitan : Citra Budaya Secara Suku Tahunan

# Citra Budaya

## Kandungan

- 2 > SEKILAS TINTA EDITOR**
- 2 > SIDANG REDAKSI**
- 3 > KANDUNGAN**
- 3 > PANTUN**
- 4 > BICARA KETUA PENGARAH**
- 5 > FESTIVAL OF ASEAN CULTURAL EXPRESSIONS 2015**
- 6 > JKKN MENERAJUI HARI SUKAN NEGARA WARGA MOTAC**
- 7 > 'JOM BELAJAR' PENCETUS GENERASI CELIK BUDAYA**
- 8 > FESTIVAL KESENIAN ORANG ASLI DAN PERIBUMI ANTARABANGSA 2015**
- 10 > PESTA PANTAI TERENGGANU**
- 11 > ASEAN CULTURAL CELEBRATIONS 2015**
- 12 > KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL**
- 13 > SELASIHKA SAYANG**
- 14 > PEMBUDAYAAN ILMU DAN PEMIKIRAN DI DALAM DIRI**
- 15 > 'PERLAKUAN YANG BAIK CERMINAN KEPERIBADIAN DIRI'..**
- 17 > INSAN TANPA SENI DAN KESENIAN ADALAH "MANUSIA CACAT"**
- 19 > TERPULANGLAH MAHU JADI APA, MAHU JADI MAT JENIN ATAU PENGLIPURLARA.....**
- 20 > TEATER 'Uraong Ulu Hatinya Luke Lagih'**
- 22 > PANTUN**
- 25 > INFO KESIHATAN**
- 26 > LEMBAR BAHASA**

**29 > AKRONIM DALAM TULISAN JAWI**

**30 > BENTUK KATA ADVERBA**

**31 > MEMAHAMI YANG TERSURAT DARI PERIBAHASA**

**32 > SKRIP DRAMA PENTAS SUP LIDAH AYAM**

**35 > NOSTALGIA 2015**

**37 > PUSAT SUMBER SENI BUDAYA**

**38 > SENARAI BAHAN TERBITAN (JUALAN)**

**40 > ALAMAT JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA**

Kait baju dengan peniti  
Peniti disambung dengan benang  
Menjadi insan baik berbudi  
Agar jasa sentiasa dikenang

Wajah tampan hati tertawan  
Menjadi iguan setiap wanita  
Ikhlas dan jujur dalam berkawan  
Persahabatan kekal untuk selamanya

**-Zurie Mohamad-**

Belahan rotan cincin dihantar  
Adat meminang orang di Tanjung  
Anakanda di rotan untuk mengajar  
Adat ditatang, agama disanjung.

Bunga kudup menitip kurnia  
Berpasu gangsa aura gemilang  
Hakikat hidup dalam dunia  
Pekerti mulia namanya dijulang

**-Milyana binti Arshad-**

Masak kari bersama bendi  
Buah peria dikerat kerat  
Jaga diri hiasi peribadi  
Hidup bahagia dunia akhirat

Rumpun padi pokok cermai  
Pohon pala rimbun palas  
Andai budi sudah disemai  
Jangan pula diminta balas

Hujung sawah pohon meranti  
Tempat tempua membuat sarang  
Bersusah payah menabur bakti  
Fitnah juga dipandang orang

Dara sunti rupanya lawa  
Di hujung titi malu tersipu  
Jasad mati kerana nyawa  
Hati mati kerana menipu

Buluh subur dibuat rakit  
Hanyut rakit ke muara mudiknya  
Budi ditabur jangan diungkit  
Jika diungkit hilang serinya

**-Mohd Rizal bin Mohd Hamdan-**

## PANTUN

Merupakan puisi lama yang biasanya terdiri daripada empat baris dalam tiap-tiap rangkap (dua baris pertama merupakan pembayang maksud dan yang selainnya mengandungi maksudnya..)

# Bicara Ketua Pengarah

*Assalamualaikum dan Salam 1 Malaysia.*

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Allah s.w.t. yang maha pemurah lagi maha mengasihani yang tanpa henti memberikan rahmatNya kepada kita semua. Syabas atas usaha sidang redaksi 'Citra Budaya' dalam menerbitkan Citra Budaya Bil.3/2015.

Tahun 2015 perlahan-lahan melabuhkan tirai dan menjadi tahun yang menyaksikan kejayaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dalam mencapai indeks prestasi utama (KPI). Sehingga 1 November 2015, JKKN telah menggalas tanggungjawab besar dalam memperkasa dan menyemarakkan seni budaya yang kini berjaya mensasarkan sebanyak 147.6% iaitu 1,829 aktiviti yang merangkumi aktiviti di JKKN Ibu Pejabat, di peringkat JKKN Negeri dan juga pelaksanaan program-program khas sempena MyFest 2015, berbanding sasaran awal tahun yang berjumlah 1,239.

Justeru, JKKN selaku entiti pelaksana kesenian dan kebudayaan, berusaha membentuk dan memupuk sahsiah, jatidiri serta toleransi masyarakat melalui pelbagai manifestasi program seni budaya untuk meningkatkan kesedaran terhadap kebudayaan dan kesenian dalam kalangan masyarakat. Penglibatan masyarakat melalui program yang dilaksanakan oleh JKKN, memberi gambaran tentang evolusi seni dan kebudayaan yang semakin berkembang dan mendapat tempat dalam ruang lingkup masyarakat majmuk di Malaysia.

Justeru, inisiatif JKKN diharap dapat melonjakkan nilai tambah bidang seni dan kebudayaan dalam pembangunan industri pelancongan dengan menjadikan seni sebagai penyumbang utama dalam ekonomi negara.

**YBhg. Datuk Norliza Rofli**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara





# FESTIVAL OF ASEAN CULTURAL EXPRESSIONS 2015



Festival of ASEAN Cultural Expressions 2015 telah berlangsung pada 15-20 Oktober 2015 di Centre Court, Nu Sentral Kuala Lumpur yang bertujuan untuk memperkenalkan seni budaya ASEAN kepada dunia dengan mengetengahkan bakat golongan belia dalam bidang seni serta mewujudkan hubungan persahabatan di kalangan negara ASEAN.

Program yang berlangsung selama ENAM (6) hari melibatkan negara-negara ASEAN seperti Brunei, Cambodia, Filipina, Indonesia, Laos, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia dengan penyertaan seramai 105 orang peserta ASEAN termasuk Malaysia.

Festival ini merupakan mega project dibawah Jawatankuasa ASEAN Committee for Culture and Information (ASEAN-COPI) yang dilaksanakan dalam tempoh TIGA (3) tahun sebanyak tiga (3) fasa. Bagi Fasa Pertama, mesyuarat persediaan ke arah perlaksanaan acara festival telah diadakan pada Oktober, 2013 di Kuala Lumpur, Malaysia. Bagi Fasa ke-2 pula iaitu pelaksanaan ASEAN Culture Mini Festival yang dihoskan oleh negara Brunei telah diadakan pada April 2014 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam dan fasa terakhir, iaitu fasa ke-3 telah dihoskan oleh Malaysia iaitu Festival of ASEAN Cultural Expressions 2015 yang diadakan pada Oktober 2015 di Kuala Lumpur, Malaysia.

Usaha ini diambil sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman masyarakat umum terhadap keunikan warisan seni budaya ASEAN dalam memperkasakan warisan budaya ASEAN serantau kepada masyarakat.

Bagi menyokong usaha tersebut Festival of ASEAN Cultural Expressions 2015 akan menghimpunkan pelbagai aktiviti seni budaya ASEAN di bawah satu bumbung agar pengunjung lebih mudah mendekati dan menghayati Seni Budaya ASEAN.

Konsep 'Perkampungan ASEAN' atau 'ASEAN Village' yang dipersembahkan, melibatkan TIGA (3) bidang seni iaitu: Seni Persembahan ASEAN, Permainan Tradisional ASEAN dan Seni Visual / Kraftangan ASEAN. Konsep ini diterapkan bagi memudahkan pengunjung untuk menikmati pelbagai keindahan seni ASEAN di samping bertukar pendapat, mengeratkan jalinan hubungan sesama peserta, mempelajari pelbagai jenis tarian, mengenali permainan tradisional dan mencuba untuk menganyam kraftangan daripada negara-negara peserta ASEAN dalam usaha memupuk kefahaman terhadap kesenian ASEAN serantau.



Noor Atiqah Zulkepli  
JKKN Ibu Pejabat





## JKKN MENERAJUI HARI SUKAN NEGARA WARGA MOTAC

Bersempena dengan  
Hari Sukan Negara pada 10

Oktober 2015, Kementerian Pelancongan  
dan Kebudayaan (KPK), telah menganjurkan  
program 'Senam Seni' warga MOTAC yang bertempat  
di Dewan Serbaguna KPK. Program tersebut turut dihadiri  
oleh Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Dr Ong Hong Peng, Ketua  
Setiausaha KPK bersama pengurusan tertinggi Motac selaku  
peneraju 'Senam Seni', manakala Artis Tari Kumpulan Kesenian  
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Ibu Pejabat (JKKN) telah  
diberi tanggungjawab untuk memimpin 'Senam Seni' warga KPK.

Yang Berbahagia Tan Sri KSU menyarankan agar 'Senam Seni' yang  
diperkenalkan oleh JKKN, dapat dijadikan amalan hidup sihat dalam  
usaha mengekalkan kesihatan yang sempurna dan berharap agar  
acara ini dapat dijadikan sebagai acara bulanan Motac.

Seramai 400 orang warga kerja MOTAC telah turut serta  
dalam program 'Senam Seni' anjuran KPK yang  
diselaraskan oleh Jabatan Kebudayaan dan  
Kesenian Negara.



Khartasis  
JKKN Ibu Pejabat



# 'JOM BELAJAR' PENCETUS GENERASI CELIK BUDAYA

Kesedaran dan pendidikan berkaitan seni dan budaya seharusnya dipupuk seawal mungkin bagi membolehkan masyarakat khususnya generasi muda dalam mewujudkan rasa cinta terhadap kedua-dua aspek tersebut tanpa mengira usia, tempat dan bangsa.

Ketika ini, negara sedang menempuh arus globalisasi dan modenisasi, yang berupaya merempuh dan melekakan masyarakat khususnya generasi muda. Justeru, di atas keprihatinan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN), JKKN Negeri Sembilan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (BBK) seni budaya negeri khususnya Persatuan Penulis Negeri (PEN) dan Persatuan Pelukis Negeri Sembilan, telah mengambil inisiatif menganjurkan Program 'Jom Belajar' secara percuma bermula Mac 2015, setiap Sabtu, 9.00 pagi hingga 11.00 pagi bertempat di Kompleks JKKN Negeri Sembilan.



'Jom Belajar' menawarkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada seni lukisan, tarian, muzik, teater dan seni berbahasa yang turut melibatkan tenaga pengajar berkaliber iaitu Puan Hajah Mahaya Mohd Yasin dari Persatuan Penulis Negeri (PEN) dan Encik Nasha dari Persatuan Pelukis Negeri Sembilan. Penyertaan bagi mengikuti program ini adalah terbuka kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi serta orang perseorangan yang ingin mendalami seni dan budaya.

Dalam usaha untuk memupuk kesedaran dan pendidikan seni budaya, JKKN mengambil langkah dalam menyatupadukan rakyat melalui program-program seni budaya berkonsepkan 1Malaysia anjuran JKKN dengan menjadikan Kompleks JKKN negeri sebagai Pusat Budaya Negeri, yang membuka peluang dan ruang kepada masyarakat untuk menyertai pelbagai program kesenian dan kebudayaan.



Farah Damayanty Ahmad  
Farhan Ghafar  
JKKN Negeri Sembilan





# Festival Kesenian Orang Asli dan Peribumi Antarabangsa 2015

Festival Kesenian Orang Asli dan Peribumi Antarabangsa 2015 merupakan salah satu daripada program di bawah kalender Malaysia Year of Festivals 2015, anjuran Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia di bawah kelolaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia. Program ini telah berlangsung pada 23 hingga 25 Oktober 2015 di Stadium Taman Tasik Titiwangsa Kuala Lumpur.

Majlis pelancaran Festival Kesenian Orang Asli dan Peribumi Antarabangsa 2015 ini telah diadakan pada 24 Oktober 2015 dan disempurnakan oleh YBhg. Datuk Hj. Ab. Ghaffar b. A. Tambi, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia mewakili YB. Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Hadir sama di majlis pelancaran tersebut adalah YB. Datuk Alexander Nanta Linggi, Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, YBhg. Dr. Junaida Lee Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, YBhg. Datuk Norliza Rofli, Ketua Pengarah, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

dan YBhg. Dato' Hasnan bin Hassan, Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Orang Asli Malaysia.


Menurut World Health Organization (WHO), penduduk asli merupakan masyarakat atau kelompok yang masih mengekalkan cara hidup nenek moyang berdasarkan struktur geografi dan masih mengekalkan kehidupan tradisi mereka tanpa terpengaruh dengan arus permodenan. secara umumnya, mereka masih mengekalkan identiti sosial-budaya, sistem ekonomi, budaya dan politik yang bersinggungan daripada arus perdana. Di Malaysia, Orang Asli merupakan salah satu komponen daripada pelbagai kaum di negara ini yang bercorak majmuk. Di dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) Seksyen 3, Orang Asli ditakrifkan sebagai;

- A. Mana-mana orang yang bapanya ahli kumpulan etnik Orang Asli bercakap bahasa Orang Asli dan mengamalkan cara hidup Orang Asli.
- B. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa kecil dan dibesarkan sebagai Orang Asli yang lazimnya bercakap bahasa Orang Asli.
- C. Anak daripada mana-mana penyatuantara seorang perempuan orang asli dengan seorang lelaki daripada satu kaum lain dengan syarat anak itu lazimnya bercakap dan mengamalkan cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli.

Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat yang kaya dengan adat resam dan budaya kerana lingkungan hidup mereka masih berkait rapat dengan alam semula jadi. Di Malaysia terdapat lebih daripada 150,000 Orang Asli atau kaum asal yang masih mengekalkan cara hidup asal mereka. Secara umumnya terdapat tiga (3) kumpulan utama masyarakat Orang Asli di semenanjung Malaysia iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto dengan pecahan yang merangkumi 18 suku kaum kecil. Di Sabah dan Sarawak, terdapat kaum peribumi yang masih lagi mengamalkan corak kehidupan tradisional yang diamalkan turun temurun.

Manakala peribumi pula merupakan penduduk asal sesuatu tempat, Hassan Mat Nor (1998) mengemukakan takrifan di mana terdapat dua kelompok warga peribumi di Malaysia iaitu bumiputera dan Orang Asli. Kumpulan kaum yang mewakili bumiputera adalah Orang

Melayu di semenanjung Malaysia, bagi Sarawak pula terdiri daripada Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau dan Murut. Di Sabah pula kaum peribumi terdiri daripada Melayu, Kadazan, Dusun, Bajau dan lain-lain.



Festival yang berlangsung selama tiga (3) hari ini berjaya menghimpunkan Orang Asli dari tujuh (7) negara dan etnik-etnik tempatan yang mempunyai keistimewaan tersendiri. Tarikan utama festival ini adalah keunikan budaya Orang Asli dari luar negara yang bergabung dengan Orang Asli dan masyarakat peribumi di negara ini. Tujuh (7) negara yang terlibat dalam festival ini terdiri daripada Kanada, New Zealand, Indonesia, Thailand, Filipina, China dan Ghana. Manakala Orang Asli dan etnik tempatan pula terdiri daripada Etnik Murut, Sabah, Etnik Iban, Sarawak, kumpulan Teveloi Pos Raya, Simpang Pulai Perak, Bahbola Gombak, Selangor, Mahmeri Pulau Carey, Selangor, Temuan Sewang Lanok Jelebu Negeri Sembilan, Semelai Pahang dan Seletar Johor.

Antara pengisian festival ini adalah seperti persembahan, pameran, jualan, demonstrasi dan pertandingan yang melibatkan aktiviti-aktiviti menjurus kepada budaya masyarakat Orang Asli.

Melalui persembahan yang dilaksanakan, pelancong dan khalayak yang hadir berpeluang melihat dengan lebih dekat kesenian masyarakat Orang Asli dan peribumi dari pelbagai etnik dalam dan luar negara. Muzik latar dan persembahan yang diadakan menyajikan sesuatu yang segar dan jarang dilihat di tempat lain.

Melalui festival ini, kebudayaan masyarakat Orang Asli dan peribumi

dari segi pakaian, alat muzik dan juga aksesori diperagakan kepada khalayak. Selain persembahan di pentas utama, persembahan sisipan juga turut diadakan di beberapa lokasi seperti di KLIA 2, KL Sentral, Pasar Seni dan juga di hadapan SOGO. Persembahan sisipan ini memberi kelebihan kepada khalayak untuk turut serta bersama-sama kumpulan persembahan untuk menari tarian mengikut lengkok etnik-etnik yang terlibat.

Festival ini juga turut diisi dengan jualan dan demonstrasi yang dilaksanakan oleh masyarakat Orang Asli tempatan dan antarabangsa. Antara pengisian jualan ini meliputi landskap, nurseri, hasil rimba dan hasil tani. Pelancong yang hadir dapat merasai sendiri hasil rimba yang dipamer dan dijual seperti buah-buahan tempatan, akar kayu, minyak wangi dan hasil kraf tangan yang dibuat daripada rotan dan lain-lain. Mereka juga turut berpeluang melihat demonstrasi dan mencuba untuk mengukir, menganyam, menyumpit dan lain-lain aktiviti yang dilaksanakan.

Penganjuran Festival Kesenian Orang Asli dan Peribumi Antarabangsa 2015 ini dilihat sebagai salah satu acara yang berjaya menarik kehadiran ramai pengunjung daripada masyarakat tempatan dan pelancong luar negara. Inisiatif penganjuran festival bertaraf dunia ini mampu menjadi salah satu penyumbang dalam menjana ekonomi negara melalui sektor pelancongan.



Shahrizal bin Abdan  
JKKN Ibu Pejabat





# Pesta Pantai TERENGGANU

PESTA PANTAI merupakan program yang diadakan pada setiap tahun di negeri Terengganu bagi tujuan mengimbas kembali kegemilangan pesta pantai yang telah dilaksanakan sejak tahun 60-an lagi dengan mengetengahkan aktiviti-aktiviti yang melibatkan pantai.



Sinonim dengan faktor bentuk muka bumi yang hampir 90% daerah-dearah di negeri Terengganu terletak di kawasan atau berdekatan dengan pesisir pantai seperti daerah Besut, Setiu, Kuala Nerus, Kuala Terengganu, Marang, Dungun dan Kemaman. Manakala hanya Daerah Hulu Terengganu sahaja yang tidak dikategorikan sebagai pesisir pantai.

Dalam melaksanakan program Pesta Pantai, bangsal tradisional merupakan aktiviti yang wajib diadakan memandangkan bangsal tradisional merupakan aktiviti yang telah diadakan sejak dahulu kala

lagi yang perlu dikenalkan. Bangsal tradisional ini membawa maksud berkaitan kehidupan masyarakat Terengganu yang menanam padi di mana mereka akan membina bangsal selepas menanam padi. Di bangsal ini mereka akan melakukan aktiviti-aktiviti termasuk bermain congkak, bermain alat muzik tradisional, memasak makanan tradisional, ketinting, memancing dan sebagainya. Maka sehingga kini bangsal tradisional masih kekal diadakan di bawah program PESTA PANTAI.



Norzila Binti Mamat Ghani  
JKKN Ibu Pejabat



# Asean Cultural Celebrations 2015

ASEAN CULTURAL CELEBRATIONS 2015 merupakan program di bawah A TAPESTRY OF ASEAN iaitu SPOUSE PROGRAMME yang diwujudkan bersempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-27 pada 21-22 November 2015 dengan penglibatan seramai 197 orang peserta dalam menjayakan program tersebut.

TIGA (3) program utama di bawah SPOUSE PROGRAMME adalah ASEAN Food Fiesta (21 November 2015), Voices of ASEAN Women: Exploring Business Opportunities For Rural Women (22 November 2015) dan ASEAN Cultural Celebrations 2015 (21-22 November 2015).

Program ini bertujuan untuk memperkenalkan dan memberi pendedahan terhadap keindahan seni tari & muzik (tradisional / kontemporari) dari negara-negara ASEAN (Brunei, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Singapura, Thailand, Vietnam) di samping memperkuatkan jalinan kerjasama di antara negara-negara yang mengambil bahagian dengan pengunjung.

Program ini mempunyai keunikannya yang tersendiri yang memberi peluang kepada peserta-peserta ASEAN untuk memperlihatkan kepada pengunjung tiga (3) persembahan yang berdurasi selama 10-15 minit di tiga (3) tempat yang berbeza iaitu: Pavilion, KLCC dan Central Market, Kuala Lumpur, yang melibatkan anggaran seramai 10,000 orang pengunjung sepanjang program berlangsung.



Bersempena dengan penyerahan kepengerusian ASEAN 2016 kepada LAOS, program ASEAN CULTURAL CELEBRATIONS 2015 diadakan bagi memeriahkan lagi majlis tersebut dengan penglibatan bersama masyarakat Malaysia dan pelancong luar Negara.

Antara persembahan yang dipersembahkan oleh negara ASEAN adalah Tarian Tudung Dulang (Brunei), Tiririt Ng Maya (Filipina), Tarian Nusantara Symphony (Indonesia), Moon Light Dance (Kemboja), Khaen and Vote From Lao Women (Laos), Joget (Malaysia), Thingyan New Year Dance (Myanmar), Sayang Singapore Melting Pot of Culture (Singapura), Nora Dance (Thailand), Traditional Ensemble Performance of Vietnamese Folk Songs (Vietnam).



# KURSUS PENGURUSAN KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN PROFESIONAL



Kursus Pengurusan Kewangan dan Pembangunan Profesional anjuran Unit Pembangunan Organisasi dan Latihan di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan JKKN telah diadakan pada 24 - 27 November 2015 bertempat di Eagle Ranch Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan yang melibatkan penyertaan daripada 25 orang Pegawai Kebudayaan di Ibu Pejabat, JKKN WPKL, JKKN Selangor dan JKKN Melaka serta Pembantu Tadbir (Kewangan) dari JKKN WPKL dan JKKN Selangor. Kursus dibahagikan kepada dua (2) modul iaitu modul Pengurusan Kewangan dan modul Pembangunan Profesional ("Team Building"). Modul Pengurusan Kewangan telah disampaikan oleh tiga (3) orang penceramah yang diperakui. Kursus ini diadakan bertujuan:-

- 1) Memberikan pemahaman kepada peserta mengenai prosedur perolehan kewangan,
- 2) Menggerakkan hubungan silatur-rahim antara pegawai,
- 3) Meningkatkan kerjasama berpasukan; dan
- 4) Meningkatkan profesionalisme dalam setiap tugas.

Bagi slot "Hasil Penemuan Audit 1", disampaikan oleh Cik Selvah binti Haji Said, Ketua Audit Dalam, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (KPK) dengan memberikan pendedahan berkaitan pematuhan prosedur kewangan, penyaluran kewangan dan perbelanjaan peruntukan kewangan yang betul. Slot seterusnya dikendalikan oleh Encik Mohd Hafizi bin Idris, Juruaudit KPK pula memberi pendedahan dan tips kepada peserta berkaitan penyediaan tuntutan dan bayaran yang tepat berdasarkan hasil penemuan audit yang telah dilakukan di Jabatan. Manakala bagi slot ketiga iaitu Pengurusan Perolehan Kerajaan pula disampaikan oleh Encik Mohd Tarmizi bin Hj. Mat Zin, berkaitan prosedur dan proses sebutharga kerajaan berdasarkan perolehan kerajaan.

Modul kedua iaitu Modul Pembangunan Profesional ("Team Building") telah dikendalikan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan dengan kerjasama pihak resort bagi mengadakan aktiviti-aktiviti "outdoor". Aktiviti team building ini terbahagi kepada 3 slot iaitu Explorace, Rope Course dan Toxic Waste (Management Game). Peserta telah dibahagikan kepada dua (2) kumpulan dan



setiap slot memerlukan kerjasama setiap ahli untuk melaksanakan tugas yang diberikan. Kesemua peserta memberikan kerjasama yang baik dalam menjayakan tugas yang mencabar kesabaran dan menguji kemahiran berfikir. Secara keseluruhannya, input yang diperolehi melalui kursus ini telah memberi nilai tambah dari segi kefahaman berkaitan prosedur kewangan untuk diaplikasikan segala ilmu yang diperolehi dengan sebaik-baiknya di peringkat jabatan.

Majlis penutup kursus telah disempurnakan oleh Encik Mohd Tarmizi bin Hj. Mat Zin, Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Kewangan JKKN dengan penyampaian sijil penyertaan dan cenderamata kepada peserta sebagai tanda penghargaan dalam menjayakan kursus ini.



Juwahiza Isnen Hadzri  
JKKN Ibu Pejabat

# 'SELASIH KU SAYANG'

Muzik Tradisional Melayu merupakan interpretasi melodi dan lirik penuh cermian budaya Melayu. Beralun lengkok sempurna dalam lauhan emosi pantun penuh maksud tersirat. Diakui antara genre yang suka dinyanyikan, ia menuntut skil yang tinggi dalam melantunkan patah lagu dan membua pendengar dengan warna suara yang mengasyikkan.

Justeru, JKKN sebagai entiti pelaksana kesenian dan kebudayaan mengambil inisiatif dalam memastikan muzik-muzik tradisional Melayu dipelihara agar tidak pupus dan mampu

untuk meneruskan survivalnya seiring dengan kepesatan evolusi muzik barat yang semakin merempuh masuk di era ini.

Konsert Selasihku Sayang telah berjaya dipentaskan pada 20 September 2015 bertempat di Dewan Filharmonik PETRONAS, dengan disaksikan hampir 900 penonton yang datang dari seluruh Malaysia dan juga Singapura. Persembahan yang sungguh dinamik dari Juara-juara Pertandingan Bintang Asli Remaja Kebangsaan dan diserikan lagi dengan nyanyian hebat penyanyi terkemuka tanah air. Program ini

meraikan keindahan Muzik Tradisional Melayu dalam satu konsert yang dibarisi artis ternama melalui satu nuansa berbeza.

Artis-artis yang membuat persembahan pada malam tersebut ialah Dayang Nurfaizah, Datuk Dr. Ahmad Nawab, Aspalela Abdullah, Dato Andre Goh, Haziq Rosebi, Asmidar, Edie Nazrin Hamzah, Sabihah Abdul Wahid, Azzizul Haqim Mohd Anuar, Hasraniza Dollah, Zaharmizuan Azlan, Nor Azmira Rahim, Fitri Hiswady Hasan Nordin dan Nurul Syafiqah Khambali.



Mungkin ramai di kalangan kita tidak menyadari atau memilih untuk tidak mengambil tahu tentang masalah utama yang melanda rakyat Malaysia secara amnya, iaitu masalah memupuk budaya mencari pengetahuan dan mendalami ilmu.

Konteks budaya yang diterapkan di dalam diri kita pada masa kini hanyalah lebih cenderung kepada budaya "escapism" atau melarikan diri daripada ancaman yang lebih besar yang hanya menggunakan konteks budaya sebagai landasan hiburan semata-mata.

Escapism ini diterjemahkan menerusi pengisian drama-drama di kaca tv yang membawa kepada penceritaan dan plot mudah, tanpa perlu menggunakan akal untuk berfikir dengan kritis tentang resolusi penceritaan tersebut. Ironinya, kita turut mudah menyerap drama-drama yang dibawa dari luar yang banyak menitikberatkan kepada isu-isu kekeluargaan, mengikut acuan budaya dan konteks sosial negara.

Kebanyakan drama yang diceritakan pada masa kini datangnya dari negara Korea. Disorot kepada sejarah dan juga faktor sosial negara tersebut, Korea sering memilih tema kekeluargaan dan juga keharmonian di dalam masyarakat kerana ia ada mempunyai hubungkait dengan isu politik dan juga sosial negara itu sendiri. Negara tersebut terbahagi kepada dua bahagian iaitu selatan dan utara kerana faktor politik yang tertentu. Selatan Korea, yang dinaungi oleh Barat ditadbir dengan sistem demokrasi dibandingkan dengan Korea Utara yang cenderung



# PEMBUDAYAAN ILMU DAN PEMIKIRAN DI DALAM DIRI

kepada anutan falsafah komunisme yang menggunakan sistem authoritarian (sistem – yang tidak menggunakan pilihanraya untuk pemilihan ketua). Kebanyakan teknologi serta sistem sosial yang diimport ke negara kita berasal dari Korea Selatan.

Oleh kerana perbezaan politik di dalam negara tersebut, terdapat ahli keluarga dekat yang menetap di utara dan selatan Korea, telah terputus hubungan antara satu sama lain. Perang yang tercusus pada sekitar tahun 1910 telah memisahkan mereka dan menjadi punca utama mengapa Korea Selatan sering menerapkan isu-isu kekeluargaan di dalam penceritaan mereka.

"Hentaman" populariti drama dari negara tersebut, secara tidak langsung turut mengimport budaya Korea seperti makanan, fesyen, pakaian dan gajet-gajet ke dalam negara kita yang turut mengakibatkan budaya asal rantau ini terpelanting jauh dari dalam jati diri anak muda kita.

Ada di antara budaya yang diserap masuk ke negara kita bersesuaian dan berlandaskan kepada faktor ketimuran yang persis negara kita. Tidak semuanya boleh diterima secara keseluruhan kerana ia perlu disaring dan ditapis bagi mengelakkkan kekeliruan antara budaya luaran dan budaya hakiki.

Oleh sebab itu, amatlah penting bagi kita menerapkan budaya berfikir dan menggunakan akal, selaras dengan tuntutan Allah SWT, seperti yang disebut di dalam Al-Quran seperti berikut;

**Surah 32:9 - Kemudian Ia menyempurnakan kejadiannya, serta**

meniupkan padanya: roh ciptaanNya. Dan ia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran), (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

Namun begitu, amat sedikit sekali di kalangan kita yang menggunakan akal untuk berfikir di dalam menentukan buruk baiknya sesuatu perkara. Sekali lagi Allah SWT menyatakan tentang perihal pentingnya menggunakan akal dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara, seperti yang dijelaskan di dalam Al-Quran seperti berikut;

**Surah 24:44 - Allah menukar malam dan siang silih berganti; sesungguhnya yang demikian mengandungi pelajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang-orang yang celik mata hatinya berfikir.**

**J e l a s l a h b a h a w a b u d a y a**  
menggunakan akal itu penting dalam menentukan baik buruk sesuatu perkara. Dalam era globalisasi di mana teknologi telah menelan persempadanan ketertiban sesuatu tamadun, ilmu yang bertunjang kepada akal fikiran itulah satu-satunya senjata utama dalam menghalis dan menepis setiap persepsi yang menerpa ke arah kita.

Pemupukan pembudayaan ilmu dan akal, tidaklah menjadi satu kesukaran dalam mencari kebenaran dan kesempurnaan sejati. Apa yang harus diutamakan ialah ia mestil berteraskan kepada kefahaman tentang asal usul diri dan berpegang teguh kepada prinsip agama dan moraliti.



# 'PERLAKUAN YANG BAIK CERMINAN KEPERIBADIAN DIRI'..

Memandang seseorang sering membuatkan kita mentafsir sifat dan sikap mereka. Mengetahui dan membaca sifat serta keperibadian seseorang, merupakan langkah awal untuk mewujudkan rasa percaya dalam diri sendiri. Keperibadian yang positif tampak jelas melalui ekspresi wajah seseorang.

Keperibadian menjadi cerminan pada diri kita, yang akan membentuk perkembangan mental, cara berfikir dan menentukan arah pengendalian diri untuk memiliki keperibadian yang baik. Manusia itu diciptakan unik dan wajah kita dapat mengekspresikan banyak cerita termasuk keperibadian yang dimiliki seseorang. Bangsa Cina percaya bahawa wajah merupakan refleksi dari keperibadian. Peribadi yang baik datang daripada sikap yang baik. Sikap kita adalah keperibadian kita. Sikap baik bermula dengan fikiran yang positif dan bersikap positif merupakan unsur terpenting dalam mencipta jenis kehidupan kita.

## **Bersifat Telus Dalam Segala Aspek**

Ketulusan adalah satu perkara yang dianggap sebagai sifat yang paling disukai semua orang.





Memilikinya membuatkan orang sekeliling merasai diri dihargai dan tidak dibohongi. Kebiasaannya, orang yang telus akan sering mengatakan kebenaran berbanding memperlihatkan sifat kepura-puraan yang gemar memutarbelitkan fakta. Orang yang telus pastinya memiliki prinsip hidup yang kukuh dan berpegang kepada prinsip 'Ya Tetap Ya dan Tidak Tetap Tidak'.

#### **Bersifat Rendah Hati**

Sifat rendah hati mengungkapkan kekuatan. Berbeza dengan sifat rendah diri yang dianggap sebagai satu kelemahan. Sukar untuk menjadi individu yang bersikap rendah hati. Hanya orang yang kuat jiwanya mampu bersikap sedemikian. Umpama kata bidalan 'seperti padi yang semakin berisi semakin menunduk'. Individu yang rendah hati, mampu mengakui dan menghargai keunggulan dan kehebatan orang lain.

#### **Bersifat Setia**

Alangkah hebatnya jika kesetiaan menjadi pegangan dalam kehidupan. Kesetiaan adalah sifat paling berharga dan sangat tinggi nilainya. Orang yang setia, kebiasaannya boleh dipercayai, diyakini, mempunyai komitmen yang kuat, rela berkorban dan tidak suka mengkhianati.

#### **Sentiasa Positif**

Orang yang positif akan membicarakan kebaikan berbanding keburukan, lebih suka mencari 'penyelesaian' daripada 'merumitkan' serta lebih suka 'memuji' berbanding 'mengcam'. Orang yang positif biasanya selalu berusaha untuk melihat sesuatu dengan pandangan yang positif walau dalam situasi yang buruk sekalipun.



#### **Menjadi Ceria**

Bukan semua individu dikurniakan dengan sifat keceriaan. Keceriaan tidak boleh diistilahkan berdasarkan ekspresi wajah dan tubuh, tetapi melalui sikap hati. Orang yang ceria adalah orang yang mampu untuk menikmati kehidupan, tidak suka mengeluh dan selalu untuk meraih kegembiraan. Individu ini mempunyai potensi untuk menghibur dan mendorong semangat orang lain. Menjadi Orang Bertanggungjawab Orang yang bertanggungjawab, tidak akan sekali-kali menjadikan orang lain sebagai 'kambing hitam' untuk dipersalahkan. Individu tersebut akan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diperolehi dengan bersungguh-sungguh. Kesalahan yang berlaku, akan diperakui dan bertanggungjawab tanpa menyalahkan individu lain.

#### **Bersih Jiwa**

Berkemampuan untuk memaafkan kesalahan dan kesilapan orang lain. Rasa benci dan permusuhan tidak akan

sekali-kali dibiarkan bernaung dalam diri. Apabila individu itu menghadapi kesukaran dan kesusahan, dia tetap tabah dan tidak akan membiarkan dirinya hanyut dalam kesedihan dan berputus asa.

#### **Mempercayai Kemampuan Diri**

Percaya diri sendiri dengan menerima diri seadanya, menghargai diri sendiri dan orang lain. Dengan kepercayaan diri yang ada, individu itu mampu menyesuaikan diri dengan lingkungan dan situasi yang

baru. Mempercayai diri, bererti akan akan mampu mempercayai orang lain.

#### **Hilangkan rasa besar diri**

Sifat besar diri kebiasaannya ada pada individu yang punya rasa angkuh dan sompong. Segala intipati percakapan atau perkara yang dilaksanakan, sebenarnya tidak sama dan tidak menepati seperti mana yang diperkatakan. Melaksanakan dengan baik, lebih elok daripada bercakap besar kerana 'banyak bercakap, kurangnya kualiti'.

Justeru, untuk menjadi individu yang mempunyai keperibadian positif, maka bergaullah dengan orang dan lingkungan yang positif, kerana keperibadian yang baik akan menjulang kesejahteraan agama, bangsa dan Negara.



Zuriah Mohamad  
JKKN Ibu Pejabat




# **Insan Tanpa Seni dan Kesenian adalah “Manusia Cacat”**

Setiap individu inginkan kesempurnaan hidup dari segi rohani dan jasmani. Namun terdapat segelintir individu yang memandang sepi atau acuh tidak acuh dengan persoalan mengenai kesenian di dalam kehidupan sehari-hari. Majoriti berpendapat bahawa ‘kesenian’ tidak perlu diaplikasikan di dalam aktiviti sehari-hari manusia.

Sedar atau tidak, setiap individu memerlukan ‘kesenian’ yang menjadi

sebahagian daripada kehidupan. Tindak tanduk dan aktiviti individu sehari-hari sentiasa menjurus kepada kesenian, iaitu aktiviti yang tersemai secara semula jadi di dalam setiap individu. Malah boleh disimpulkan bahawa tidak sempurna kehidupan seseorang tanpa kesenian. Kesenian di dalam ruang lingkup ini dilihat daripada perspektif yang sangat luas.

Jika ahli sains sering membahagikan otak manusia kepada dua bahagian iaitu otak kanan dan otak kiri yang merangkumi pemikiran sains dan pemikiran seni, namun di dalam artikel pendek ini saya melihat bahawa tubuh manusia terbahagi kepada EMPAT bahagian seperti butiran di bawah iaitu otak untuk berfikiran dan hati untuk berperasaan.



Empat Bahagian Di dalam Tubuh Manusia

**1) Sains**

Bahagian yang pertama di dalam otak manusia ialah pemikiran sains. Semua individu memerlukan ilmu sains secara asas untuk kelangsungan hidup. Contohnya, seseorang individu perlu tahu bahawa ia memerlukan makanan, air bersih, udara bersih, cahaya matahari dan seumpamanya untuk meneruskan kehidupan. Selain itu, manusia juga tahu bahawa sekiranya ia terjun dari tempat yang tinggi, akan menyebabkannya jatuh ke bawah kerana adanya tarikan graviti yang boleh mengakibatkan kcederaan atau kematian. Contoh-contoh tersebut adalah merupakan pimikiran sains yang mestilah ada di dalam otak individu manusia.

**2) Urus**

Bahagian kedua yang penting dan diperlukan oleh setiap individu adalah ilmu mengurus. Ilmu mengurus diterbitkan dari otak yang berupaya mengolah pemikiran manusia. Tanpa ilmu mengurus secara asas, individu tidak akan mampu mencapai cita-citanya dan mengakibatkan dunia menjadi kucar kacir. Ilmu mengurus ini berkait rapat dengan ‘nafsu manusia yang tidak terhad berbanding dengan sumber yang terhad’. Oleh itu setiap individu perlu menyesuaikan antara kehendak yang tidak terhad berbanding dengan kemampuan.

**3 )iman**

Bahagian ketiga ialah keimanan yang akan mengawal segala tingkah laku dan tindak tanduk manusia. Bahagian ini berkait rapat dengan kepercayaan atau pegangan seseorang. Seseorang yang beragama Islam umpamanya amat percaya dengan balasan akhirat yang akan mempengaruhi ibadah dan amalan kehidupan sepanjang hayatnya.

**4) Seni**

Bahagian ke empat yang diperlukan oleh individu ialah seni dan kesenian. Seni dan kesenian diterbitkan oleh hati dengan perasaan yang halus. Nilai seni yang dikatakan suatu keindahan dan kehalusan, amat diberi perhatian oleh setiap individu mulai ia terjaga daripada tidur pada sebelah pagi hingga ke malam sebelum individu tersebut tidur semula. Sebagai contoh, setiap individu pasti akan memakai pakaian yang cantik dan indah setiap hari. Begitu juga dengan rambut yang sentiasa disisir rapi agar kelihatan cantik.

Malah di dalam makanan harian juga manusia sentiasa menekankan kesenian apabila mereka sentiasa memiliki makanan yang enak dan lazat. Selain itu, membaca Al-Quran dengan tajwid dan taranum yang betul amat dituntut di dalam Islam. Semua contoh di atas merupakan manifestasi kesenian



di dalam aktiviti manusia seharian. Terdapat banyak lagi contoh-contoh lain berkaitan aktiviti harian manusia yang sentiasa menekankan kesenian tanpa mereka sedari. Justeru, amat jelas bahawa kesenian tidak hanya menjurus kepada seni persembahan semata-mata seperti tari, muzik dan teater sahaja.

Seni dan kesenian adalah unsur yang diperlukan oleh manusia. Sesebuah masyarakat atau individu yang tidak mempunyai nilai kesenian, dianggap sebagai individu yang tidak sempurna atau “cacat” kehidupannya.



Mohd Zin bin Mohd Sahid  
JKKN Ibu Pejabat



# TERPULANGLAH MAHU JADI APA, MAHU JADI MAT JENIN ATAU PENGLIPURLARA.....

**Anda kenal dengan Mat Jenin? Atau anda dalam kategori sepupu sepat Mat Jenin? Sapa kata Mat Jenin tak kaya? Mat Jenin kaya dengan angan-angannya. Dia mampu menjadi sesuatu yang tidak pernah dia terfikir untuk jadi, dia peroleh perkara yang tidak pernah diperolehi dan dia dapat mencapai impian yang tidak mungkin dia capai. Anangan Mat Jenin sangat tinggi. Sehingga kita sendiri rasa bahawa ananganannya itu sukar untuk ditunaikan.**

Tapi menjadi Mat Jenin ni bukanlah sesuatu yang baik. Mat Jenin itu melambangkan bahawa diri kita ini sekadar kuat berangan namun tidak memperolehi apa-apa daripada ananganannya itu. Dia mati akibat daripada sikapnya yang suka berangan dan tidak memberi tumpuan dalam pekerjaannya. Kesian Mat Jenin. Nasibnya sangat malang. Memang dia digambarkan sebagai seorang yang sangat rajin bekerja.

Mat Jenin sanggup melakukan apa sahaja pekerjaan asalkan dia memperolehi rezeki untuk menyara hidupnya yang hanya sebatang kara.

Malang Mat Jenin ini sering ditakuti oleh orang lain. Nasib malang Mat Jenin ini selalu dijadikan bahan jenaka atau sindiran kepada mereka yang sangat kuat berangan dan selalu berkhayal untuk mencapai sesuatu yang terbaik tanpa perlu berusaha. Senangnya hidup ini jika hidup hanya dengan anangan-anangan. Jangan hanya hendak mudah hidup senang, kaya dan berjaya. Itu sekiranya kita beralih kepada sudut pandangan yang negatif. Yang mana jika kita mengambil kisah Mat Jenin ini dari sudut negatif, maka Mat Jenin ini hanya digambarkan sebagai seorang lelaki yang berpewatakan dungu.

Namun sekiranya mengambil watak Mat Jenin ini dari sudut pandangan yang positif, maka kita akan nampak pengajaran di sebalik kisah Mat Jenin.

Agak-agaknya, wajarkah Mat Jenin ini dicontohi? Mat Jenin sebenarnya membuat perancangan yang baik. Dia memikirkan sesuatu yang logik apa yang perlu dia lakukan. Dia tidak bertindak terburu-buru dan tidak mengharapkan sesuatu tanpa berusaha.

Dia bekerja sambil merancang untuk mendapat

sesuatu yang lebih baik. Dia adalah manusia yang tidak bermimpikan untuk menjadi kaya dengan mudah. Malah sebaliknya Mat Jenin berusaha dari peringkat bawah dan setiap peringkat perancangannya boleh diterima akal.

Bukanlah sesuatu yang salah kalau hendak berangan-angan seperti mana yang digambarkan kepada Mat Jenin. Cuma kesalahan Mat Jenin adalah ananganannya yang melebihi daripada lingkaran realiti kehidupannya. Sepatutnya kita lebih memberi tumpuan untuk mencapai terlebih dahulu apa yang hendak dicapai yang masih belum tercapai.

Terpulanglah mahu jadi apa, mahu jadi Mat Jenin atau jadi penglipurlara.....



Zuriah Mohamad  
JKKN Ibu Pejabat



SELARI dengan kewujudan Festival Teater Malaysia iaitu lanjutan dari Pesta Tarian dan Drama yang diperkenalkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia pada awal tahun 70an sehingga 1980an, Terengganu yang dikenali sebagai kota kedua teater selepas Kuala Lumpur turut melalui zaman cerah gelapnya tersendiri.

Merasai denyut yang inginkan penyatuan warga teater di Terengganu, maka Majlis Teater Terengganu (MTN) telah ditubuhkan. Ia adalah hasil titik peluh dan pengorbanan setiap penggiat teater waktu itu yang mahukan sebuah organisasi teater mantap seawal tahun 80-an dan hasrat itu hanya tercapai pada tahun 1989. Nama asalnya iaitu Gabungan Teater Negeri Terengganu (GENTA) terpaksa ditukar kerana di peringkat kebangsaan telahpun menubuhkan 'Majlis Teater Kebangsaan Malaysia (TEMA). Oleh kerana cadangan semua badan teater di negeri bergabung di bawah TEMA, kepimpinan GENTA turut akur di mana pada tahun 1986, GENTA ditukar kepada nama Majlis Teater Negeri Terengganu (MTN). MTN dan pendaftarannya 829/89(Terengganu) telah disahkan pada tahun 1989.

#### PENGGIAT TEATER TERSOHOR

Sehingga kini MTN telah berjaya mengangkat ramai aktivis teater samada sebagai penulis, pengarah atau pekerja pentas di persada seni teater tanahair samada di peringkat daerah, negeri dan negara serta telah mencapai pelbagai kejayaan samada kecil atau besar. Ini sudah pasti menjadi kebanggaan masyarakat teater di negeri Terengganu yang terkenal dengan motto 'Negeri Cantik, Budaya Menarik, Orangnya Baik'.

Berikut adalah sebahagian nama besar dan kecil dalam dunia teater yang dimulai dengan generasi pertama terdiri daripada Allahyarham YB. Datuk Haji Razali Ismail (Ahli Parlimen Kuala Terengganu yang juga Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia), Dr. Hatta Azad Khan (ASWARA), S.M. Noor (PELITA), Wan Ahmad Ismail (Yang Dipertua MTN), Othman Zaharudin Harun (Setiausaha MTN), Marzuki Ali (ASYIK), Hazlan Iskandar Harun (MEDIA), Ibrahim Taib (KEULU) dan Abdul Munib Ismail (TETAMU).



# Teater 'Uraong Ulu Hatinya Luke Lagih'

Oleh Kumpulan Kesenian  
Uraong Ulu (Keulu) Telah  
Memenangi Tempat Ketiga  
Dalam Festival Teater  
Malaysia 2006.

Generasi kedua pula terdiri daripada saudara Mazlan Zakaria (KARYA), Mohd Lazim Endut (TETAMU), M. Salleh Mahmud (KUMPUTER), Alias Ismail (KUMPUTER), Fauziah Awang (KARYA) dan Azaha Hj. Othman (ANGKATAN 21).

Manakala generasi ketiga terdiri daripada saudara Mohamad Azman Hassan@Jusoh (D'ANJUNG IBAI), Mohd Yusof Mustaffa (KEULU), Mohd Syukri Sidek (DRAMATIC PICTURES), Mohd Zaherudin Sulong (URUSENI PRODUCTION) dan Shamsul Bahari Mohamad (SHANANA PRODUCTION).

#### KARYA TEATER YANG PERNAH LAHIR

Dr. Hatta Azad Khan antara tokoh yang banyak menghasilkan naskhah drama pentas yang agak berkualiti serta banyak memenangi hadiah. Di antara naskhah drama pentasnya yang popular ialah Kerusi, Patung-Patung, Stesen, Mayat, Awang, N.T, Jebat dan Puteri Gunung Ledang. Hatta juga penerima Anugerah Karyawan Seni Teater (Penulis Skrip) dalam Anugerah Seni Negara 2006.

Wan Ahmad Ismail pula terkenal dengan karyanya seperti Awal Tengah Akhir, Sang Keluarga, Alahai, Sakitnya Alahai, Uuuuhhh, Tanah Ronggeng, Wayangan Mak Nang, Tuk Ketua, Tukang Tilik, Syeikh dan Joget Su Wook.

Tuan Haji Marzuki Ali atau nama sebenarnya Azam bin Ali pernah

mengarahkan teater Oidipus Sang Raja (1991) dan Julius Caesar (1997). Beliau adalah pengasas Grup Teater Asyik Terengganu yang cukup aktif serta turut terlibat dalam teater samada di Malaysia, Brunei dan Indonesia.

S.M. Noor pula agak terkenal apabila skrip drama pentasnya sering menjadi pilihan pengarah generasi hari ini untuk dipentaskan antaranya termasuklah Kosong, Sawo dan Alang Perkasa. Beliau kini adalah Ketua PELITA dan telah memenangi Anugerah Sastera Darul Iman II (HASDI) 2015.

Azaha dari kalangan generasi pelapis dengan skrip drama pentasnya Api Timur telah memenangi tempat kedua dalam Peraduan Menulis Skrip Drama Pentas 2001. Beliau turut memenangi tempat ketiga melalui skrip teater 'Kehendaknya Jua' yang telah dipentaskan oleh Kelab Anjung Kreatif (AK2), UDM Kampus KUSZA sempena Festival Teater Negeri Terengganu 2007 dan juga memenangi hadiah Kumpulan Harapan melalui skrip teater 'Kuli' sempena Manifestasi Teater Negeri Terengganu 2009.



Beliau memenangi hadiah saguhati melalui skrip Monolog Dalang sempena Festival Monodrama 2012 di USM Pulau Pinang. Beliau turut mendapat tempat ketiga melalui skrip teater KehendakNya Jua yang telah dipentaskan oleh CUTE UiTM Machang, Kelantan sempena Festival Teater Negeri Kelantan 2013. Manakala, skrip drama bangsawan komedi 'Pak Pandir' tulisannya turut terpilih dan dipentaskan sempena Siri Semarak Bangsawan 2013.

#### **KEJAYAAN PEMENTASAN TEATER PERINGKAT KEBANGSAAN**

Terengganu juga pernah mencatatkan dua kemenangan di peringkat Kebangsaan antaranya ialah memenangi johan dalam Pekan Teater Kebangsaan (1995) melalui drama 'Mayat' oleh Kelompok Sanggar Teater (ASYIK), Pengarah Terbaik oleh Mohd Saberi Muda dan Pelakon Lelaki Terbaik oleh Ahmad Nizam Hj. Bahari.

Manakala, teater 'Uraong Ulu Hatinya Luke Lagih' oleh Kumpulan Kesenian Uraong Ulu (KEULU) telah memenangi Tempat Ketiga, Pelakon Harapan Lelaki oleh Mohd Ramadhan Hassan dan Pelakon Harapan Wanita oleh Norasilla Mohd Noor dalam Festival Teater Malaysia 2006.



Tengku Alang Pendekar  
JKKN Terengganu

### Pantun Perkenalan

Anyam tikar bertindih jari  
Bunga disusun berselang-selang  
Jangan menyesal kemudian hari  
Rupa tiada bahasa pun kurang

Buah cempedak buah kelapa  
Letak mari di atas peti  
Saya tidak memilih rupa  
Budi bahasa menawan hati

Bunga lalang tumbuh melata  
Tumbuh bersama pucuk meranti  
Pandai tuan berkiloc kata  
Tetapi tidak sampai ke hati

Anak beruk dari seberang,  
Turun bermain di tepi paya,  
Biar buruk di mata orang  
Cantik molek di mata saya

Tanak kuih di atas tungku  
Beras pulut dibuat inti  
Orang lelaki memang begitu  
Lain di mulut lain di hati

Ikan haruan ikan bujuk  
Diberi umpan anak keli  
Puas sudah kita memujuk  
Biarlah kita membawa diri

Pucuk paku daun meranti  
Tumbuh melata di atas tanah  
Jika benarlah maksud di hati  
Jemputlah datang bertandang ke rumah.

Rahmat Hj Damiri  
JKKN Johor

### Pantun Nasihat

Pergi ke laut bersama bonda  
Membawa bersama buah peria  
Ingatlah jasa ibu bapa  
Supaya hidup bertambah bahagia

Pucuk ubi ulam raja  
Makan bersama pak uda  
Kasih keluarga kita teruja  
Berkat doa ayah bonda

**Sanat Abd. Jalil**  
**KP 600117015783**  
**Kluang, Johor**



## Pantun

Harum mewangi bunga pualam  
Berkembang mekar di rumah cik Hana  
Ilmu mu tersebar serata alam  
Menjadikan kami insan berguna

Duduk bersantai di pinggiran kali  
Menjahit jahitan tindih kasih  
Seloka pantun sekalung budi  
Sebagai ucapan terima kasih

Akal budi nilaian hati  
Jadi ganbaran sekilas wajah  
Budi tuan sangat bererti  
Akan ku bawa hingga ke jannah

**Johari bin Yamin**  
**KP 601118015309**  
**Bukit Katil, Melaka**


## Pantun

Jahit dan tenun warisan kita  
Kain songket dari Kelantan  
Benar sungguh bagai dikata  
Sayang selasih hamba lurutkan

Ikan siakap goreng berlada  
Mari dihidang di atas meja  
Bukan niat mengada-ada  
Hanya sekadar hiburan sahaja

Raja muda menunggang kuda  
Kuda ditunggang bersama pria  
Suami dan anak mengada-ada  
Itu tandanya keluarga bahagia

**Mohd Zuhar bin Haron**  
**KP 600611015113**  
**Gombak, Selangor**



### Puisi- Sahabat

Sahabat  
Biarpun tak pernah kusentuh  
jemarimu  
Biarpun sekian lama tak ku tatap  
wajahmu  
Biarpun sekian lama tak ku dengar  
lunak suaramu  
Namun namamu kekal terpahat  
dihatiku

Sahabat  
Kabus telah menghalang mataku  
melihat kilauan permata  
Kabus telah menghalangku  
menyedari kehadiran insan yang setia  
Kabus telah memisahkan kita  
Namun....itulah ketentuan yang  
Maha Esa  
Kabus membawa kita belayar ber-  
lainan bahtera

Sahabat  
Ketahuilah....sejarah indah kita, ku  
bawa bersama  
Mengharungi samudra luas bersama  
bahtera tercinta  
Kehadiranmu adalah anugerah  
dariNya  
Buat diriku insan kelana

Sahabat  
Hakikatnya...tiada perpisahan antara  
kita  
Bertaut bersama persahabatan yang  
mulia  
Menjajari bahtera merentasi senja  
Menuju keredhaan yang Maha Esa

Mohd Zuhar bin Haron  
KP 600611015113  
Gombak, Selangor

### PUISI : SELAMAT DATANG KE BANDAR AL- WATHIQU BILLAH, KUALA NERUS.

Dengan bismillah, kaki melangkah  
Memakan kapur, bercampur sirih  
Selamat datang, ke al-wathiqu billah  
Kuala Nerus, bandar terpilih.

Merah jambu warna bendera  
Membangun seimbang satu tanda  
Ditunjang asas ilmu tersedia  
Lahir rakyat lebih sejahtera.

Seberang takir ke batu rakit  
Buminya cantik, seni menarik  
Islam baik, syariat terselit  
Pekerti baik, amalan molek.

Lapangan terbang, pintu negeri  
Pulau Redang, bidongpun menanti  
Pantainya panjang, putih berseri  
Gamit pelancong, datang ke mari.

Tersergam indah tersohor IPT  
Namanya megah anjung ilmu  
INSTEP, UNISZA, IPG, UMT  
Dicanang didendang lembah ilmu.

Beli keropok dibawa pulang  
ICT sata dilupa jangan  
Air kelapa nasi dagang  
Kepadamu tuan selamat jalan.

Azaha Hj. Othman  
JKKN Terengganu



# INFO KESIHATAN



## ZON 1 & 2 - PUNDI KENCING & SISTEM PENCERNAAN

Minum banyak air kosong dan kurangkan pengambilan makanan berlemak dan fast food.

## ZON 3 - HATI

Bahagian ini membantu mengesan jika anda allergic makanan. Kurangkan makanan berminyak, tenua dan alkohol. Rehat secukupnya dan rawat wajah anda dengan krim/gel pengelupasan.

## ZON 4,5,7 & 8 - BUAH PINGGANG

Pengambilan air mestilah cukup (sekurang-kurangnya 2 liter sehari)

## ZON 9 & 10 - SISTEM PERNAFASAN

Berlaku jika anda merokok atau alergik. Jika bukan kedua-duanya tadi bermakna tubuh anda panas. Kurangkan pengambilan gula dan minum air dengan banyak. Dedahkan diri anda pada udara bersih, selain memastikan anda mengambil makanan atau minuman yang tidak berasid.

## ZON 6 - JANTUNG

Jaga tekanan darah dan pastikan anda mengambil vitamin B untuk mengurangkan stress. Pastikan mengambil makanan yang dapat mengurangkan kolesterol seperti omega 3.

## ZON 13 - PERUT (USUS)

Pastikan anda mengambil makanan yang kaya dengan fiber. Minum atau ambil makan untuk detox kan tubuh anda seperti teh hijau atau makanan yang kaya detox.

## ZON 11 & 12 - HORMON

Berlaku perubahan hormon (terutamanya wanita) dan anda juga mungkin dalam keadaan stress. Pastikan anda mendapat tidur yang cukup, makanlah sayuran hijau dan minum air yang mencukupi.

## ZON 14 - PENYAKIT

Jangan risau. Ini menunjukkan tubuh anda sedang melawan serangan bakteria. Sentiasa berada dalam keadaan positif, minum air yang banyak dan ambillah kesempatan untuk berehat selain dari memastikan anda aktif.



## LEMBAR BAHASA

### Kesilapan Ejaan

SALAH	BETUL
isipadu	Isi padu
istirehat	istirahat
kawalselia	Kawal selia
lalulintas	Lalu lintas
menaik-tarafkan	menaiktarafkan

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa, 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

### Kesilapan Ejaan

SALAH	BETUL
mengwujudkan	mewujudkan
latarbelakang	latar belakang
mee	mi
memperolehi	memperoleh
plan	pelan

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa, 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

### Masalah Umum Tatabahasa

SALAH	BETUL
75% dari kadar sebenar	75 peratus daripada kadar sebenar
berbanyak terima kasih	berbanyak banyak terima kasih
di kategorikan	dikategorikan

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa, 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

### Kecelaruan Mengeja Kata Biasa

SALAH	BETUL
cendera mata	cenderamata
justru	justeru
durhaka	derhaka
anggrik	anggerik
pesaka	pusaka

## LEMBAR BAHASA

### Penggunaan Kata Sempang

SALAH	BETUL
ipar duai	ipar-duai
ke 12	ke-12
keramahtamahan	keramah-tamahan
mengucarkacirkan	mengucar-ngacirkan
semalaysia	se-Malaysia

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa, 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

### Kecelaruan Mengeja Kata Serapan Daripada Bahasa Inggeris

SALAH	BETUL
aked	arked
dailog	dialog
dinamis	dinamik
kefeteria	kafeteria
lanskap	landskap

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa, 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

### Kesilapan Ejaan

SALAH	BETUL
bandaraya	bandar raya
campurtangan	campur tangan
jawatan kuasa	jawatankuasa
maksima	maksimum
profesyen	profesion

Sumber : Koleksi Lembar Bahasa, 2008. Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur

## PEKA BAHASA

### MENCOLOK DAN MENJOLOK

- Kata **MENCOLOK** bererti membangkitkan marah orang yang melihat, menyakitkan hati dan memberi malu.
- Kata **MENJOLOK** bererti menusuk (merodok) sesuatu dengan galah dan lain-lain supaya gugur, menusuk ke dalam lubang dan lain-lain.

MENCOLOK	MENJOLOK
• Kaktangan wanita dilarang memakai pakaian yang mencolok mata semasa bekerja di pejabat.	• Dia menjolok tekaknya kerana ketulungan
• Dalam pasaran hari ini, didapati pelbagai fesyen yang mencolok mata tetapi digemari oleh golongan remaja.	• Tongkat panjang yang dibuat daripada buluh itu digunakan untuk menjolok buah-buahan.

### PEKA BAHASA

- Kata **LAMAN** ialah kependekan daripada kata halaman dan digunakan dalam bahasa percakapan. Maknanya telah diperluaskan dan digunakan dalam istilah teknologi maklumat, iaitu sebagai padanan bagi home page.
- Kata **HALAMAN** bermaksud perkarangan rumah, tanah (kawasan lapang) di hadapan rumah dan muka buku (majalah, surat khabar, dan lain-lain).

LAMAN	HALAMAN
• Pengguna boleh memuat turun borang jawatan kosong dengan laman sesawang rasmi Dewan Bahasa dan Pustaka.	• Berita tentang kapal terbang MH370 itu tersiar pada halaman depan surat khabar.
• Ahmad memuat naik gambarnya ke dalam laman facebook miliknya.	• Surat itu terselip di celah-celah halaman buku.

## AKRONIM DALAM TULISAN JAWI

Apakah akronim?

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, akronim bermaksud kependekan yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yang boleh diejakan sebagai satu perkataan. Perkataan JKKN misalnya, merupakan kependekan hasil gabungan huruf-huruf pertama perkataan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Contoh akronim yang berhasil daripada gabungan suku kata pula ialah MARA kerana perkataan ini terbentuk daripada perkataan Majlis Amanah Rakyat. Dalam sistem tulisan Jawi, terdapat kaedah tertentu untuk mengeja akronim.

Jadual 1: Ejaan akronim daripada perkataan bahasa Melayu untuk organisasi, jabatan dan seumpamanya.

RUMI	NAMA PENUH	JAWI
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka	د.ب.ق.
JKR	Jabatan Kerja Raya	ج.ک..ر
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	ف.ب.ب.
TUDM	Tentera Udara Diraja Malaysia	م.د.و.ت.

Jadual 1: Ejaan akronim daripada perkataan bahasa Melayu untuk organisasi, jabatan dan seumpamanya.

RUMI	NAMA PENUH	JAWI
PM	Perdana Menteri	م.ق.
KSU	Ketua Setiausaha	وا.س.ك.
PJK	Pangkat Jasa Kebaktian	ک.ج.ق.

Sumber: Dewan Bahasa Edisi November 2015 (m/s 40-41)



Siti Anisah Abdul Rahman  
JKKN Ibu Pejabat

# BENTUK KATA ADVERBA

Kata adverb ialah perkataan yang menerangkan kata kerja, kata adjektif, kata nama, dan frasa sendi nama dari segi cara, masa dan tempat.

Kata adverb yang asalnya kata adjektif

Kata adverb yang asalnya kata adjektif berasal daripada kata adjektif yang berfungsi sebagai penerang kepada kata kerja, kata adjektif, atau frasa sendi nama.

Ayat contoh:

1. "Murid yang sedang berjalan laju itu merupakan atlet harapan pasukan olahraga sekolah ini," kata Cikgu Mohd. Ariffin.
2. "Saya suka meihat sekawan burung yang terbang tinggi di udara kerana begitu terserlah semangat setia kawan unggas ciptaan llahi itu," kata Tengku Amran.
3. "Penerangan yang panjang lebar tentang perkembangan terbaru pasaran saham akan diberikan oleh pengarah syarikat ini pada pukul 10.00 pagi esok," kata Puan Zaiton.
4. "Saya yakin dan percaya bahawa pekerja yang berbadan gempal itu memang dari rumah sewanya selalu walaupun dia kadang kala lewat tiba di kilang ini," kata Encik Ramesh.
5. "Pada waktu begini, lazimnya ayah dan ibu saya sering di Masjid Al-Azim dan akan pulang ke rumah pada pukul 9.00 malam," Kata Nur Fadilah.
6. "Pemuda yang sakit kuat pada pergelangan kakinya akibat terseluh ketika bermain bola sepak kelmarin telah dibawa ke Hospital Perdana," kata Dr Husna.
7. "Artis lelaki yang tinggi lampai dan berkumis nipis itu baru sahaja melangsungkan perkahwinan dengan gadis pilihannya," kata Datin Siti Hajar.
8. "Warga emas yang menghidap darah tinggi ini perlu dibawa ke hospital segera untuk mengelakkan dirinya diserang penyakit strok," kata Encik Muhammad.
9. "Menurut pegawai Jabatan Meteorologi, angin yang bertiup kencang sehari dua ini amat bahaya sekali dan kita dinasihati tidak turun ke laut," nasihat Haji Kassim kepada anak-anak buahnya.
10. "Walaupun air sungai ini mengalir lesu tanpa sekat, semangat nan membara untuk mendaki Bukit Marak ini perlu diteruskan tanpa sedikit pun kelesuan menguasai diri kita," kata Amirul Afif kepada sekumpulan lelaki.

Kesimpulannya, penggunaan bahasa Melayu perlu memahami dan menguasai kata adverb yang asalnya kata adjektif dengan mendalam agar ilmu titipan-Nya dapat dimanfaatkan dan ingatlah bahawa bersikap menumbuk di lesung, bertanak di periuk ialah hak hamba-Nya.



# MEMAHAMI YANG TERSURAT DARI PERIBAHASA

Kebanyakan generasi sekarang kurang memahami maksud yang tersurat di dalam sesuatu peribahasa walaupun mereka memahami secara jelas maksud yang tersirat. Keadaan ini berlaku apabila sesuatu peribahasa di dalam Bahasa Melayu menggunakan perkataan atau istilah di dalam bahasa lain seperti jawa atau istilah klasik. Contohnya ialah peribahasa berikut;

## 1. Seperti melepaskan batok di tangga

Secara tersirat ramai yang memahami bahawa peribahasa ini adalah bermaksud seseorang itu melakukan sesuatu kerja secara sambil lewa dan tidak bersungguh-sungguh. Dalam erti kata lain, kerja yang dilakukan tidak akan mencapai hasrat dan hasil yang diharapkan kerana ia dilakukan secara sambil lewa sahaja.

Namun demikian, ramai yang tidak memahami maksud tersurat peribahasa tersebut. Mereka beranggapan bahawa peribahasa ini diambil daripada perbuatan seseorang yang sedang batuk di tangga. Mereka mungkin tidak pernah terfikir kemunasabahan hubungan atau kaitan antara batuk di tangga dengan kerja yang tidak bersungguh-sungguh.

Secara tersirat peribahasa ini adalah diambil daripada perbuatan seseorang yang membasuh kaki di tangga rumah pada zaman dahulu sebelum naik ke atas rumah. Mereka menggunakan tempurung kelapa yang dikenali sebagai 'batok' di dalam bahasa jawa. Biasanya seseorang yang membasuh kaki tersebut akan mencampakkan sahaja batok atau gayung selepas digunakan. Dari sinilah timbulnya peribahasa tersebut.



**Peribahasa 'melepaskan batok di tangga' yang diambil daripada perbuatan mencampakkan 'batok' ini sesuka hati selepas digunakan.**

## 2. Harapkan pegar, pegar yang makan padi

Di dalam peribahasa ini ramai orang yang terkeliru atau tersalah sebut perkataan 'pegawai' sebagai 'pagar', yang menyebabkan peribahasa tersebut seperti tidak munasabah antara yang tersurat dengan maksud yang tersirat. Ramai yang beranggapan bahawa peribahasa tersebut sebagai 'harapkan pegar, pagar yang makan padi'.

Pegar ialah sejenis burung yang diharap dapat menjaga sawah padi daripada serangan tikus dan serangga perosak. Justeru, masyarakat dahulu membiarkan sahaja burung pegar untuk mendiami kawasan sawah dengan harapan padi mereka akan selamat dan dapat dituai. Namun demikian ada kalanya burung pegar juga akan memakan padi. Berikut itu, maka wujudlah peribahasa tersebut.



**Burung Pegar yang diharap dapat menjaga sawah padi.**



Mohd Zin bin Mohd Sahid  
JKKN Ibu Pejabat

# SUP LIDAH AYAM

SUP LIDAH AYAM.....

Si isteri kelu lidahnya, si suami lembut lidahnya, si mertua pula sering mencari jalan untuk bertikam lidah. Satu keputusan untuk mencari kehidupan lain yang lebih baik.....

## WATAK DAN PERWATAKAN

- |            |   |
|------------|---|
| Linda      | - <b>Isteri Mamu. Seorang yang tidak mempunyai keyakinan diri untuk berkomunikasi.</b>  |
| Mami Sarah | - <b>wanita lingkungan umur awal 60-an. Berketurunan mami Pulau Pinang dan sangat akrab dengan anak lelakinya sehingga secara tidak langsung mengawal kehidupan anak menantunya sehingga memberi tekanan kepada menantunya.</b> |

Sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri.. buang yang keruh ambil yang jernih, baru teguh peribadi.. kedengaran lagu berkumandang sayup-sayup di corong radio dari tempat duduk kerani di dalam sebuah mahkamah syariah.

Linda : hhmm..hmm...hmm.. (sambil tersenyum sendiri). Pandai P.Ramlee buat lagu. Agaknya tu yang Saloma terpikat kot.. lirik dalam lagu-lagu dia, semuanya sampai ke dalam lubuk hati. Orang kata lidah ni tak bertulang. Tapi lidah lebih bahaya dari mata pedang. Kerana lidah, badan binasa, sebab lidah tu boleh juga membunuh hati orang lain. Ye la, orang tua-tua dulu ada kata, terlajak kata buruk padahnya. Sebab dengan kata-kata yang dituturkan menggunakan lidah boleh sebabkan orang lain sakit hati, makan hati, terasa hati... dan jatuh hati..

(tersenyum sendiri) lima tahun dulu, aku jatuh hati dengan suami aku ni disebabkan kata-kata yang dituturkan. Suami aku ni cukup pandai berkata-kata. Lembut lidahnya dan pandai ambil hati. Nama dia Shahril. Atau Mohd Shahril Ghoush bin Mohd Sharudin. Orang seberang laut... Er, Pulau Pinang. Tapi kawan-kawan dia panggil 'mamu'je. Aku jumpa dia di kedai kain tempat aku kerja. Kedai itu saja yang layak untuk aku sebab aku tidak cemerlang dalam pelajaran. Aku pun tak tahu kenapa dengan aku ni. Suami aku pandai berkata-kata, aku pula susah nak atur kata-kata. Aku memang ada masalah untuk berkomunikasi.

Masa di rumah Asuhan Kasih dulu pun aku jarang bercakap dengan orang. Aku rasa tak yakin nak bercakap, sebab aku rasa aku tak macam kawan-kawan sebaya aku yang lain. Kawan-kawan aku di sekolah semuanya ada mak dan ayah. Tapi aku pula berkongsi Umi Salbiah dengan 42 orang penghuni Asuhan Kasih yang lain. Dialah ibu, dialah ayah kami semua. Disebabkan rasa rendah diri dengan kawan-kawan yang lain aku selalu menyendiri dalam kelas. Hinggahal aku tamat persekolahan dan masuk alam pekerjaan. Di kedai ni kalau aku tak bercakap, mesti Mrs.Hoe marahkan aku. Dia cakap sekurang-kurangnya aku kena senyum. Mula-mula aku kerja punyalah susah, tapi lama-lama aku dah pandai senyum. Hari-hari aku bawa cermin dalam poket aku untuk berlatih senyum.

(keluarkan cermin dari beg, tengok dan ukirkan senyuman). Manis juga bila aku senyum. Itu pun kalau tak nampak gigilah. Kalau nampak gigi, kurang sikit manisnya. Mungkin sebab aturan gigi aku kurang cantik. Masa kecik-kecik dulu aku cukup takut nak cabut gigi walaupun dah bergoyang macam pokok lalang. Kadang-kadang tu sampai gigi baru dah keluar baru aku cabut gigi yang macam pokok lalang tu. Sebab tu gigi aku jadi macam ni. Dah macam tangga under construction aku tengok.

Tapi tak sangka pula, walaupun susunan gigi aku tak teratur macam ni ada orang suka perhatikan senyuman aku. Dari dalam kedai kain tu, aku boleh nampak kedai gambar di seberang jalan. Setiap hari, waktu tak ada pelanggan aku akan berdiri tepi cermin tengok arah jalan. Kadang-kadang jeling ke arah kedai gambar tempat mamu kerja. Dia selalu sibuk melayan pelanggan. Nampak macam pelanggan yang datang semua suka berbual dengan dia. Itu semua sebab kebolehan dia berkomunikasi dengan baik.

Satu hari tu, dia datang ke kedai aku untuk beli kain pasang. Katanya nak bagi hadiah pada ibunya sempena hari lahir yang ke 58 tahun. Dia minta aku buat pilihan untuk ibunya. Mana lah aku tahu nak pilih. Tambah nak bagi cadangan pada orang seusia itu. Pilih baju sendiri pun aku dah pening, inikan pula pilih baju untuk orang tua-tua. Tapi disebabkan cara dia mintak tolong aku tu macam pijak semut pun tak mati, aku jadi tak sampai hati. Aku cuba buat-buat berani bertanya. Aku tanya warna kegemaran ibunya. Katanya Mami suka warna terang-terang. Warna yang ceria akan melambangkan kesegaran dan keceriaan hati kita. Dia beritahu lagi, yang ibunya seorang yang suka pada kekemasan dan kecantikan. Aku pun cuba mencadangkan sehelai kain pasang berwarna biru keladi berona kuning dan sedikit hijau pucuk pisang sebagai corak tambahan. Bagi aku kain tu cantik. Tapi harganya mahal sedikit dibandingkan dengan kain-kain lain. Namun, aku tengok mamu tidak berkira mengenai harga. Dia seperti bersetuju dengan pilihan yang aku cadangkan tersebut. Katanya aku pandai membuat pilihan untuk ibunya. Apa lagi, kembanglah bila aku dipuji begitu.

Keesokan harinya, dia datang lagi ke kedai aku. Aku memang menjangka yang pilihan aku kurang bertepatan dengan selera ibunya. Aku jadi takut bila nampak kelibatnya melangkah masuk ke kedai Mrs Hoe. Dia bercakap-cakap dengan Mrs.Hoe. Kemudian, beredar dari situ. Mrs Hoe memanggil aku. Pasti lepas ni aku kena buang kerja. Tapi aku Nampak Mrs Hoe senyum dan hulurkan sesuatu pada aku. Katanya customer aku kirim pada aku sebab dia suka dengan pilihan kain yang aku cadangkan padanya semalam. Macam tak percaya aku pun menyambut bungkus yang dihulurkan Mrs.Hoe. Dalam bungkus tu ada sehelai selendang warna merah jambu, dan dicelah-celah selendang tu ada sekeping nota. Nota tu bertulis;

Salam buat linda yang manis, ibu saya suka dengan kain yang awak pilihkan. Saya rasa kalau ibu saya tengok awak.. mesti awak pun dia suka. Jadi boleh saya ajak awak jumpa ibu saya petang ni lepas kerja? Harap awak tak keberatan. Saya tunggu awak kat bus stop tempat biasa awak tunggu bus.

Eh, mana dia tahu aku hari-hari naik bus? Dia dok tengok aku hari-hari ke? Setahu aku dia tak pernah pun naik bas dengan aku. Dia datang kerja dengan motosikal. Kadang-kadang kalau hari hujan, ada seorang perempuan separuh umur, hantar dia dengan sebuah kereta Toyota Corolla lama. Mungkin itulah ibunya.

( kerudung putihnya dibetul-betulkan sambil mengangkat sedulang air dan diletakkan ke atas meja kecil. Dialog dimulakan dengan menggunakan dialek Pulau Pinang)

Mami Sarah : Huishhh.. amboi.. elok no! putih, lawa. Nama apa? Huisshhh..Orang mana?

Hmmm..Mak ayah kerja apa? ... Oh, mintak maaf la. Mami tak tau lagu tu cerita dia... tak pa lepaiah ni mai dok sini saja. Dok dengan mami. Jadi menantu mami mau? Bukan apa Shahril pun tak ada kawan lagi ni. Dia suruh Mami tengok Linda. Kalau mami suka, dia pun suka. Dia memang anak yang baik. Dah besaq lagu ni pun dok tidoq atas riba lagi... eh, bukan bongsu, ada lagi sorang adik. Perempuan. Tapi dia dok asrama. Tinggal mami dengan Shahril je kat rumah ni. Harap-harap lepaiah ni berseri la rumah ni bila Linda mai dok sini. Buleh ka?.. nak buat kira dengan siapa ni? ya ka?.. buleh..buleh.. tak ada masalah aih, nanti mami uruskan semuanya.. Janji Linda angguk setuju saja. Linda jangan risau na.. kenduri kendara semua mami akan uruskan. Kita order saja nasik beriani Kapitan. Mami ada kawan kat Jelutong.. Dia buleh dapat sponsor. Half price sapa nak bagi Linda oii...

(senyum dan duduk kembali di kerusi. Dialek bertukar kepada dialek asal)

Linda : Mula-mula aku jadi menantu mami, semuanya manis. Tapi tak lama lepas tu mami nampak macam cemburu dengan aku dan abang Shahril. Kadang-kadang masa tengok tv dia letak kepala kat atas riba aku. Dulukan mami yang selalu riba dia. Mami jeling kat aku. Aku jadi risau, lalu suruh laki aku letak kepala di riba mami. Asalkan mami bahagia.

(sambil ambil minyak angin dan sapukan pada lutut dan pergelangan kaki )

Mami Sarah : Dah setahun hangpa kawin, tak buleh-buleh anak lagi pasai pa? tak pa la, buleh la hang dok tolong mami buat kerja-kerja rumah ni. lagi pulak hang pun dah tak kerja kat kedai tu lagi. Lepaih masak ni sat lagi, cuci la periuk belanga tu, pastu mop lantai, pastu pi lipat kain. Mami dah jemu buat semua kerja ni, bagi kat hangpa orang muda pula. Lepaih mami kena demam chikungunya hari tu semua sendi problem. Hang buatlah semua kerja, takkan hang nak saja pulakkann.

(sambil duduk di atas kerusi, dialek bertukar kembali ke asal)

Linda : Bila malam aku dah letih, jam 10 aku dah terjelepuk atas katil. Ingat jadi suri rumah ni tak penat, rupanya penat juga. Ini belum lagi ada anak. Disebabkan sunyi di rumah, Abang Shahril keluar dengan kawan-kawan dia tiap-tiap malam. Katanya ke kedai Sup Hameed di Penang Road. Sedap sup di situ katanya. Ada sup ekor, lidah, urat keting dan macam-macam lagi. Yang paling dia suka adalah sup lidah. Aku pun tak cakap apa-apa pun bila dia nak keluar makan sup. Pernah jugak aku cuba masak sup, tapi dia cakap sup yang aku buat tak sama macam sup Hameed. Aku pun tak tahu macam mana nak masak bagi sama rasa macam tu. Mula-mula aku tak kisah sangat bila dia keluar tiap-tiap malam, tapi lama kelamaan aku rasa lain macam. Baju-baju laki aku berbau perfume perempuan. Aku pernah tanya bau apa? Dia cakap bau asap masakan di kedai mamak tu. Aku tahu dia tipu aku. Tapi aku tak tahu macam mana nak tanya dia lagi. Aku cuba dapatkan kepastian dari mami. Tapi mami kata,

(dialek Pulau Pinang)

Mami Sarah : Betoilah tu.. bau asap masakan kat kedai mamak. Hang ni pasai pa? Dok pikiaq Bukan bukan pasai anak mami? Hang tau dak yang hang tu bini dia. Berdosa besaq dok pikiaq bukan-bukan pasai dia tau. Tak bau syurga!! Kalau hang dok kata dia buat tak elok kat belakang hang, itu bukannya salah dia. Tapi salah hang. Hang yang tak pandai nak jaga rumahtangga hang. Orang lain beranak setahun seorang, hang pulak sampai la ni tak beranak-beranak lagi. Entah bala apa yang hang bawak, entah-entah hang ni mandul tak?

(kembali dialek asal)

Linda : Sampai hati mami cakap macam tu pada aku. Aku bertanya pasal ada perkara yang mencurigakan berlaku. Satu hari tu masa aku cuci baju abang Shahril aku ternampak ada benda asing warna kuning-kuning cair dekat seluar dalam dia. Aku belek, ambik, cium. Macam bau hanyir sikit. Sebelum ni aku tak pernah pun jumpa kotoran macam tu. Aku makn curiga. Takkan bau ni pun dapat dari kedai Sup Hameed. Malam tu aku cuba siasat masa dia balik dari kedai sup. Dia tidak ke bilik air, tetapi terus saja terlena di sebelah aku tanpa mengetahui yang aku belum lagi terlena pada ketika itu. Aku nampak dia seperti tidak selesa. Dia menggaru-garu pahanya. Kadang-kadang menggosok-gosok alat sulitnya. Aku cuba mendekati Abang Shahril dan berpura-pura menggodanya. Namun sepehat sahaja yang keluar dari mulutnya...

Esoklah...

Esoknya aku tunggu, dan cuba lagi.. namun sama juga jawapannya...

Esoklah...

Hari demi hari aku terus mencuba, dan akhirnya dia memberitahu aku yang dia sakit. Aku cuba tanya dia, mana tahu kalau-kalau aku boleh tolong dia. Tapi dia cakap "tolong jangan mintak lagi". Dia sakit dan sedang dapatkan rawatan. Dia tak mahu penyakit tu berjangkit pada aku. Aku hairan, macam mana dia boleh dapat penyakit tu. Katanya amalan makan sup boleh tambah tenaga, tapi dia pula dapat penyakit yang berjangkit. Aku pun tak tahu macam mana aku akhirnya dapat keberanian untuk mendesak dia memberitahu aku sebab penyakitnya itu. Dan dia memberitahu aku yang dia selama ni sebenarnya bukanlah makan sup lidah lembu di Sup Hameed, tetapi dia makan sup lidah ayam berhampiran dengan Sup Hameed di Penang Road. Luluh hatiku mendengar jawapannya itu, dan disebabkan itulah aku di sini pagi ni untuk menuntut fasakh pada Abang Shahril. Maafkan aku, aku tak mampu teruskan hidup yang begini. Tersepit untuk aku terus berkata-kata, lidahku kelu hatiku beku. Maafkan aku Shahril.. maafkan saya mami..

Apa guna kita bertengkar? Suami isteri mesti bersabar.

(lagu P.Ramlee terus kedengaran berkumandang)



Milyana binti Arshad  
JKKN Ibu Pejabat

# Nostalgia 2015





# 'JOM KUNJUNGI & BUAT RUJUKAN'

# PUSAT SUMBER SENI BUDAYA, JKKN

BAHAN RUJUKAN SENI & BUDAYA  
TERBITAN JABATAN KEBUDAYAAN  
DAN KESENIAN NEGARA

PENYELIDIK SENI BUDAYA, PELAJAR  
IPTS/IPTS, PELAJAR SEKOLAH  
MENENGAH & RENDAH, ORANG  
PERSEORANGAN DIALU-ALUKAN...

Pusat Sumber Seni Budaya merupakan pusat rujukan maklumat seni budaya yang menyokong keperluan penyelidikan bagi kakitangan JKKN di Ibu Pejabat dan negeri-negeri, penyelidik seni budaya, pelajar IPTA dan IPTS, pelajar sekolah rendah dan menengah serta orang perseorangan. Pusat Sumber Seni Budaya ini mempunyai koleksi perpustakaan meliputi pelbagai kategori, seperti buku, jurnal, majalah, majalah berjilid, kertas kerja, laporan, kajian dan keratan akhbar.

\*Carian koleksi buku yang terdapat di Pusat Sumber Seni Budaya melalui : <http://jkkn.koha.my>

## PERKHIDMATAN

Peminjaman dan pemulangan koleksi (kakitangan sahaja).Rujukan bagi bahan berkaitan seni budaya

### WAKTU OPERASI

Hari	Masa
Isnin – Khamis	8.00 pagi – 4.30 petang
Jumaat	8.00 pagi – 12.15 t/hari 2.45 petang – 4.30 petang

- Ditutup pada Sabtu, Ahad dan cuti umum



Sebarang pertanyaan, sila hubungi :

## HUBUNGI KAMI:

- 1) Siti Anisah Abdul Rahman (Penolong Pustakawan)  
[sitianisah@jkkn.gov.my](mailto:sitianisah@jkkn.gov.my)  
03-26148245
- 2) Fauziah Ahmad (Pembantu Perpustakaan)  
[fauziahahmad@jkkn.gov.my](mailto:fauziahahmad@jkkn.gov.my)  
03-26148259

# SENARAI BAHAN TERBITAN (JUALAN)

JABATAN KEBUDAYAAN & KESENIAN NEGARA



BIL	TAJUK	KUANTITI	SEUNIT (RM)	DISKAUN (%)	JUMLAH (RM)
1.	1000 Pantun Dondang Sayang		20.00		
2.	Adat Istiadat Perkahwinan Tradisional Melayu Terengganu		14.00		
3.	Adat Resam Masyarakat Malaysia		18.00		
4.	Alam Terbentang Menjadi Guru		20.00		
5.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan		8.50		
6.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah		8.50		
7.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu di Malaysia		13.50		
8.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung		15.00		
9.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)		43.00		
10.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)		35.00		
11.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre		35.00		
12.	Bahasa Dijajaran Masa		15.00		
13.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis		25.00		
14.	Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun		34.00		
15.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid 1)		20.00		
16.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)		20.00		
17.	Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid II)		20.00		
18.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani		12.00		
19.	Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya		25.00		
20.	Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor		25.00		
21.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia		18.00		
22.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)		35.00		
23.	Istiadat Naik Buai		8.50		
24.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang		78.00		
25.	Joget Lambak		10.00		
26.	Kanjet		25.00		
27.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal)		20.00		
28.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis)		17.00		
29.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara		23.00		
30.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman		35.00		
31.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)		33.00		
32.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang		10.00		
33.	Lirikan Lirik		30.00		
34.	Lundayeh Dictionary		45.00		
35.	Malaysian Customs & Traditions		28.00		
36.	Malaysian Festivals		25.00		
37.	Malaysian Culture (Kulit Tebal)		20.00		
38.	Malaysian Culture (Kulit Nipis)		17.00		
39.	Malaysian Weddings		28.00		
40.	Monografi Seni Budaya Bil. 1		30.00		





BIL	TAJUK	KUANTITI	SEUNIT (RM)	DISKAUN (%)	JUMLAH (RM)
41.	Monograf Seni Budaya Bil. 2		24.00		
42.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita		15.00		
43.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang		12.00		
44.	Pantun Warisan Rakyat		15.00		
45.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan		16.50		
46.	Penyair Laut J. M. Aziz (Kulit Nipis)		30.00		
47.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia		30.00		
48.	Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat		33.00		
49.	Plural Culture & Society In Malaysia		20.00		
50.	Resepi Nasi 100		30.00		
51.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III)		20.00		
52.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis		8.50		
53.	Seni Berbari		34.00		
54.	Seri Terengganu		25.00		
55.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok,Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)		48.00		
56.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok,Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey and Wayang Kulit)		48.00		
57.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus		10.00		
58.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kompong Jawa		15.00		
59.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)		42.00		
60.	Syair Asyiqin		12.00		
61.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Tebal)		52.00		
62.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Nipis)		30.00		
63.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire		30.00		
64.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu		20.00		
65.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)		20.00		
66.	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia		27.00		
67.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita		30.00		
68.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu		15.00		
69.	Globalisasi & Cabaran Budaya Di Malaysia		20.00		
JUMLAH KESELURUHAN			-	-	





JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN  
NEGARA  
ARAS 16,18,19,26,27,30 DAN 34  
LOT 1001, MENARA TH PERDANA  
JALAN SULTAN ISMAIL  
50250 KUALA LUMPUR  
No. Tel. : 03-2614 8200  
Faks : 03-2697 0884

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Perlis,  
Kompleks JKKN Perlis,  
Persiaran Wawasan Kangar,  
01000 Kangar,  
PERLIS INDERA KAYANGAN.  
No. Tel : 04 - 979 3604  
No. Faks : 04 - 977 0117

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Kedah,  
Kompleks JKKN Kedah,  
Lot PTD 400,  
05250 Alor Setar,  
KEDAH DARUL AMAN.  
No. Tel : 04 - 731 5930  
No. Faks : 04 - 733 8128

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Pulau Pinang,  
Kompleks JKKN Pulau Pinang,  
Kompleks Pusaka Warisan Seni,  
Lot No. 2180 Jalan Rawang,  
Off Jalan P. Ramlee,  
10460 PULAU PINANG.  
No. Tel : 04 - 281 7791/7792  
No. Faks : 04 - 281 7781

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Perak,  
Kompleks JKKN Perak,  
Lot 20561 @ 20565,  
Jalan Cardwell, Off Jalan Raja Di Hilir  
30350 Ipoh,  
PERAK DARUL RIDZUAN.  
No. Tel : 05 - 253 7001  
No. Faks : 05 - 241 7017

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Selangor,  
Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma MBSA  
Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam,  
SELANGOR DARUL EHSAN.  
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791  
No. Faks : 03 - 5510 2839

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Wilayah Persekutuan,  
Kompleks JKKN WPKL,  
Jalan Tun H.S Lee,  
50000 KUALA LUMPUR.  
No. Tel : 03 - 2072 6431/6779  
No. Faks : 03 - 2070 4064

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Negeri Sembilan,  
Kompleks JKKN Negeri Sembilan,  
Jalan Sungai Ujong,  
70200 Seremban,  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.  
No. Tel : 06 - 767 6793/763 6308  
No. Faks : 06 - 763 4417

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Melaka,  
Kompleks JKKN Melaka,  
Lebuh Ayer Keroh,  
75450 MELAKA.  
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787  
No. Faks : 06 - 233 1784

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Johor,  
Aras 6 Kiri, Wisma PERKESO,  
No 26, Jalan Susur 5,  
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,  
80200 Johor Bahru,  
JOHOR DARUL TAKZIM.  
No. Tel : 07 - 224 8270/223 1249  
No. Faks : 07 - 223 9413

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Pahang,  
Kompleks JKKN Pahang,  
Lot 57100, Jalan Tok Sisek,  
25000 Kuantan,  
PAHANG DARUL MAKMUR.  
No. Tel : 09 - 517 8466  
No. Faks : 09 - 517 9466

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Terengganu,  
Kompleks JKKN Terengganu,  
Kuala Ibai,  
20400 Kuala Terengganu,  
TERENGGANU DARUL IMAN.  
No. Tel : 09 - 617 8831  
No. Faks : 09 - 617 8832

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Kelantan,  
Lot 1993, Seksyen 49, Tanjung Chat,  
15200 Kota Bharu,  
KELANTAN DARUL NAIM.  
No. Tel : 09 - 741 7000  
No. Faks : 09 - 741 7004

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Sarawak,  
Tingkat 5 Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga,  
93000 Kuching,  
SARAWAK.  
No. Tel : 082 - 422 006/423 106  
No. Faks : 082 - 244 394

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian  
Negara Sabah,  
Kompleks JKKN Sabah,  
Km 4 Jalan Penampang,  
88200 Kota Kinabalu,  
SABAH.  
No. Tel : 088 - 237052/051  
No. Faks : 088 - 242 052